

Headline	100,000 dijangka sertai program e-Umrah UMHSB		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	10 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	173,387	Readership	699,000
Section	Ekonomi	Color	Full Color
Page No	21	ArticleSize	300 cm ²
AdValue	RM 5,984	PR Value	RM 17,952



100,000 dijangka sertai program e-Umrah UMHSB

KUALA LUMPUR 9 Dis. - Uniutama Managements Holdings Sdn. Bhd. (UMHSB), anak syarikat milik penuh Universiti Utara Malaysia (UUM) menyasarkan 100,000 pelanggan bagi tahun pertama program e-Umrah, sistem talian terus untuk menunaikan umrah menerusi skim simpanan khas Wadiah Yad Dhamanah, penyimpanan melalui potongan gaji secara bulanan dengan kerjasama Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa).

Produk ini merupakan yang pertama diperkenalkan di Malaysia melalui sistem atas talian, dijalankan secara usahasama dengan koperasi kakitangannya, Koperasi Kakitangan Uniutama Holdings Kedah Berhad (KKUHKB).

Idea dan projek itu dicetuskan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan UMHSB yang juga merangkap Pengerusi Lembaga Pengarah KKUHKB, Rusli Hasnan, selaras dengan hasrat UMHSB dalam merancang untuk memperluaskan operasinya dengan lebih agresif dalam bidang yang diterokai, bukan hanya memberi tumpuan dan memenuhi keperluan universiti sahaja.

Rusli berkata, usahasama ini diwujudkan kerana UMHSB mempunyai kepakaran dan infrastruktur seterusnya membolehkan pengurusan e-Umrah menjadi lebih efisien.

“Ia adalah kaedah terkini dan efisien yang memberi kemudahan kepada para peserta bagi merealisasikan impian dan cita-cita mereka untuk menunaikan umrah ditanah suci Mekah,” katanya di sini hari ini.

Kumpulan sasaran untuk produk ini

ialah kakitangan kerajaan, syarikat milik kerajaan (GLC) dan syarikat-syarikat yang membenarkan potongan gaji dibuat melalui Angkasa.

Antara kelebihan dan kebaikan e-umrah ialah, para peserta boleh membuat potongan gaji secara bulanan untuk tempoh yang telah ditetapkan.

Antara skim yang ditawarkan ialah RM150 sebulan untuk tempoh 40 bulan, RM250 sebulan untuk tempoh 24 bulan, RM300 sebulan untuk tempoh 20 bulan dan RM500 sebulan untuk tempoh 12 bulan.

“Para peserta boleh memilih tarikh penerbangan untuk menunaikan ibadah umrah setelah jumlah simpanan mereka mencukupi. Selain itu, para peserta boleh membuat potongan gaji untuk individu lain yang dinamakan untuk tujuan umrah dan peserta juga boleh membuat potongan gaji beliau untuk isteri atau ibu bapa untuk menunaikan ibadah umrah,” katanya.

Pelanggan e-Umrah akan dapat mengakses segala kemudahan yang disediakan pada bila-bila masa dan walau dimana mereka berada.

Pengguna boleh melayari laman web www.e-umrah.my atau www.umhsb.com.my untuk maklumat lanjut mengenai e-umrah seterusnya membuat pendaftaran untuk menunaikan ibadah umrah.

Kepada yang berminat untuk menjadi usahawan e-umrah juga boleh menghubungi telefon: 04-9232265 /019-3832246 atau e-mel: e-umrah@umhsb.com.my



RUSLI Hasnan bergambar di hadapan pejabatnya di Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah.